

NELAYAN JAYA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012



Nama : **Encik Abdul Kadir Bin Ibrahim**

Umur : 53 tahun

No. K/P : 590224-11-5089

Keahlian : PNK Kuantan

Alamat : Lot 29699, Kg. Peramu, Jalan Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang

Saham PNK : RM2,930.20

LATARBELAKANG

- ❖ Beliau berpendidikan sekolah menengah dan menjadi nelayan sebagai awak-awak pada usia 14 tahun. Pada usia 20 tahun, beliau berpindah dari Setiu, Terengganu ke Kuantan, Pahang.
- ❖ Pada tahun 1979, melalui pinjaman beliau membeli bot yang pertama (bot Zon C – TRF630) dengan harga RM 70,000.
- ❖ Beliau telah berkahwin dan mempunyai 6 orang anak iaitu 4 orang perempuan dan 2 orang lelaki. 2 orang anaknya berkelulusan IPTA, seorang menuntut di IKM, seorang sekolah agama dan 2 orang sekolah kebangsaan.

AKTIVITI EKONOMI

- ❖ Hasil usaha gigih, beliau berjaya memiliki 3 buah bot iaitu :
 - PAF 4557 (Zon C) - RM 100,000 (101.15 GRT)
 - PAF 4546 (Zon C) - RM 100,000 (85.66 GRT)
 - TRF 777 (Zon C) - RM 800,000 (87.68 GRT)
- ❖ Bot TRF 777 diusahakan oleh beliau sendiri. Bot ini mendaratkan hasil tangkapan di Kompleks LKIM Kuantan, Pahang. Ini kerana di sini terdapat bekalan diesel, air batu dan tempat pemasaran ikan.
- ❖ Bagi tujuan pemasaran ikan, beliau mempunyai Syarikat Perniagaan Ikan yang didaftarkan di atas nama Dirani Enterprise. Syarikat ini beroperasi di Kompleks LKIM Kuantan. Melalui syarikat ini beliau memasarkan sendiri hasil tangkapan ke pasar-pasar di sekitar Kuantan dan selebihnya ke Pasar borong Selayang, Kuala Lumpur.

- ❖ Manakala bot PAF 4557 dan PAF 4546 milik Encik Abdul Kadir bin Ibrahim, diuruskan secara rakan kongsi pengurusan dengan Syarikat Mazanan iaitu salah sebuah Syarikat Perikanan Bumiputera. Pendapatan hasil tangkapan dibahagi sama rata iaitu 50% pemilik bot dan 50% rakan kongsi. Hasil tangkapan kedua-dua bot ini didaratkan di Tok Bali pasir Puteh Kelantan.
- ❖ Secara purata, pendapatan ketiga-tiga bot ini adalah sebanyak RM 52,698 sebulan yang mana pecahan seperti berikut :
 - PAF 4557 - RM 6,698
 - PAF 4546 - RM 6,698
 - TRF 777 - RM 39,302

Jumlah - RM 52,698
- ❖ Beliau juga mempunyai Kedai Runcit Dirani yang menyediakan barang-barang keperluan dan input perikanan seperti pukat, jaring, pancing dan lain-lain barang yang berkaitan dengan perikanan untuk awak-awak dan nelayan. Daripada kedai ini, telah menjana pendapatan bulanan sebanyak RM 5,000 dan kira-kira RM 60,000 setahun.

PEMILIKAN HARTA

- ❖ Berkat kesabaran, rajin dan usaha yang bersungguh-sungguh, beliau mampu memiliki harta seperti berikut:
 - 1 buah rumah bernilai RM 400,000
 - 2.44 ekar tanah bernilai RM 100,000
 - Kereta (1 Honda, 1 Myvi, 1 Kancil) bernilai RM 235,000
 - Hilux 1 buah bernilai RM 90,000
 - 2 buah motosikal bernilai RM 8,000
 - Simpanan bank bernilai RM 222,000
- ❖ Kesemua harta milik Encik Abdul Kadir bin Ibrahim bernilai lebih kurang RM 1,055,000.

TEKNOLOGI

- ❖ Bot beliau dilengkapi dengan peralatan moden dan kemudahan aksesori seperti Fish Finder, Echo Sounder, GPS, Sonar dan Radio Telefon. Kesemua peralatan ini bernilai kurang RM 200,000.

AKTIVITI SOSIAL

- ❖ Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di bidang perikanan, beliau telah mengikuti pelbagai kursus antaranya seperti Kursus Baikpulih Enjin, Kursus Penggunaan GPS yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan dan Kursus Keusahawanan Transformasi Nelayan serta Kursus Perundangan Persatuan Nelayan anjuran LKIM.
- ❖ Dari segi gunatenaga, ketiga-tiga bot ini telah memberi peluang pekerjaan kepada 84 orang nelayan tempatan dan ahli-ahli PN, dengan purata pendapatan kira-kira RM 1,800 sebulan seorang.

- ❖ Beliau sering memberi derma dan sumbangan kepada surau, masjid dan sekolah-sekolah agama di sekitar kampung beliau.

PERANCANGAN MASA DEPAN

- ❖ Menambah bilangan bot
- ❖ Memperbesar kedai runcit